

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(II)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

7. Apakah perancangan dari pihak *Penang Development Corporation* (PDC) di kawasan Byram?
- (a) Berapa ekar tanah telah diambil alih oleh PDC dan apakah jenis perindustrian akan dirancang di kawasan Byram?
  - (b) Adakah *Master Plan* di kawasan Byram telah disediakan?
  - (c) Adakah rancangan membina rumah pekerja di kawasan Byram?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. (a) Keluasan tanah yang diambil alih oleh Penang Development Corporation (PDC) di Byram adalah seluas 783.90 ekar. Jenis industri yang dirancang adalah aktiviti industri yang memberi kesan kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang seperti Elektrik & Elektronik (E&E), *Light-Emitting Diode* (LED), Peralatan Perubatan, Farmaseutikal, *Plastic Injection Moulding*, *Research and Development* (R&D) dan Automotif.
- (b) "*Master Plan*" Byram masih dalam proses penyediaan memandangkan pada masa kini PDC memberi tumpuan kepada Utara Penang Science Park dan Taman Perindustrian Batu Kawan.
- (c) Mengenai cadangan rumah pekerja di Kawasan Byram, PDC

sememangnya menyedari akan keperluan penyediaan kemudahan tersebut. Oleh itu, cadangan tapak untuk perumahan pekerja akan dimasukkan di dalam Pelan Induk Byram. Pelaksanaan projek ini kelak akan ditentukan berdasarkan keperluan sebenar pada masa hadapan.